

KUALA LUMPUR, 7 APRIL (BERNAMA)-DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN YAKIN TINDAKAN-TINDAKAN TEGAS TERMASUK TAHANAN KEATAS PEMIMPIN-PEMIMPIN PELAJAR DAN PENSYARAH DALAM TUNJUK PERASAAN BARU-BARU INI AKAN MEMBERI KESAN YANG DIHARAPKAN.

MENTERI PELAJARAN MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN DR. TAN CHEE KHON (PEKEMAS-KEPONG) YANG INGIN TAHU BILA PENYELIDIKAN KEATAS KEGELISAHAN PELAJAR-PELAJAR AKAN SIAP.

DR. TAN JUGA BERKATA BAHAWA KEGELISAHAN PELAJAR ADALAH MASALAH DUNIA DAN TINDAKAN MENAHAN PELAJAR DAN PENSYARAH TIDAK AKAN MENYELESAIKAN KEGELISAHAN PELAJAR.

DR. MAHATHIR BERKATA JAWATANKUASA KABINET YANG DIPENGERUSIKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATO HUSSEIN ONN, SEDANG MENKAJI MASALAH KEGELISAHAN PELAJAR-PELAJAR DAN MEMBUAT PERAKUAN-PERAKUAN TENTANG CARACARA MENGATASINYA.

KATANYA PENYELIDIKAN TENTANG SEBAB-SEBAB BERLAKUNYA KEGELISAHAN PELAJAR-PELAJAR AKAN MENGAMBIL MASA YANG PANJANG DAN TIDAKLAH DIKETAHUI BILA IA AKAN SIAP. -- BERNAMA HM 1824